

MESRA ... Raime (kiri) dan Dr.Kamaruzaman (kanan) saling berpelukan ketika tiba di Kampung Kapulu, Tenom.

NST 05-04-2012 18  
OLEH MIZRON MARALANG



BERUCAP ... Dr.Kamaruzaman ketika berucap pada pelancaran program 'Outreach' di Kg.Kapulu, Tenom.



LAGU KEBANGSAAN ... Dr.Kamaruzaman dan Raime sedang menyanyikan lagu negeri dan lagu kebangsaan.

# Transformasi minda perspektif pendidikan luar bandar UMS

SABAH merupakan salah sebuah negeri yang masih mencari-cari rentak untuk bergerak maju seiring dengan negeri-negeri lain hampir dalam semua aspek pembangunan, khususnya dalam bidang pendidikan.

Antara faktor yang menjadi penyumbang utama terhadap keadaan sedemikian ialah saiz keluasan Sabah yang hampir menyamai sembilan buah negeri di Semenanjung, struktur geografi yang hampir 70 peratus masih hutan dan taburan serakan kepadatan penduduk yang rendah. Keadaan ini menjadikan agihan peluang-peluang pendidikan dan ekonomi yang masih tidak seimbang antara bandar, luar bandar dan pedalaman, di samping menyebabkan kesukaran perhubungan, sama ada dari segi pengangkutan mahupun komunikasi maklumat. Namun dalam masa yang sama, kerancangan perubahan global sentiasa menjadi keutamaan dalam konsep 1Malaysia menjelang Wawasan 2020.


Melihat kepada situasi ini, Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyahut cabaran ini untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan di luar bandar seiring dengan hasrat Kerajaan, Persekutuan dan Negeri serta mana-mana NGO untuk memartabatkan pendidikan yang seimbang dan komprehensif kepada anak bangsa.

Usaha ini telah digerakkan menerusi Program *OUTREACH* yang sebelum ini telah dicituskan oleh Dr.Khalid Johari, menerusi program bersepadu antara UMS bersama-sama dengan agensi-agensinya kerajaan dan *Concern Citizen Association (CCA-SUEC)* satu-satunya NGO di Malaysia yang bergiat aktif dalam membantu pendidikan di kawasan pedalaman.

Sehubungan itu, pendekatan program komuniti yang bersifat '*outreach*' berpotensi diterapkan dan diteruskan untuk komuniti di pedalaman Sabah dengan menjadikan sekolah-sekolah setempat sebagai lokasi dalam pelaksanaan program '*outreach*'. Pendekatan ini merupakan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan sepanjang tahun 2010 dan 2011 yang telah melibatkan sekolah-sekolah pedalaman seperti di daerah Kota Marudu, Pitas, Beluran, Papar, Tuaran, Nabawan, Pegalungan, Tabin, Membakut dan Sook.

Dalam program '*outreach*' ini mensasarkan perkongsian (*sharing & delivering*) maklumat terkini berkaitan pendidikan, kesihatan, teknologi dan ekonomi. Bagi program *outreach* kali ini, Kg.Kapulu, Tenom telah dipilih untuk lokasi program dengan menjadikan SK Kapulu sebagai pusat aktiviti setempat. Sekolah-sekolah yang turut terlibat juga ialah SK Rundum, SK Tilis, SK Korolok dan SK Sumambu.

Naib Canselor UMS, Datuk Dr.Kamaruzaman Hj. Ampon, berkata matlamat program adalah untuk mempertingkatkan pengetahuan masyarakat dalam aspek pendidikan, kesihatan, teknologi, ekonomi dan




SIMBOLIK ... Dr.Kamaruzaman (tiga dari kiri) menumbuk lesung padi sebagai simbolik bagi pelancaran program yang juga dikenali sebagai 'tutuan' dalam bahasa Murut Tahol.

pelestarian nilai budaya. Katanya, program ini juga akan menumpukan kepada memartabatkan pendidikan dalam masyarakat khususnya memperkukuhkan penguasaan Bahasa Inggeris. "Kita mahu anak-anak murid di kawasan pedalaman mendapat akses pendidikan yang sama seperti di kawasan bandar.

"Mungkin kampung Kapulu terletak jauh di pedalaman tetapi penduduk di sini sekiranya mendapat peluang dalam pendidikan maka tidak mustahil anak-anak murid di sini mampu berjaya suatu hari nanti. "Masyarakat kampung juga dapat didedahkan dengan maklumat yang berkaitan dengan peluang-peluang ekonomi dan pemasaran dalam pemeliharaan dan penghasilan produk pertanian. Hal ini secara tidak langsung

akan dapat mempertingkatkan sosio-ekonomi setempat. "Program seumpama ini juga akan diteruskan ke daerah-daerah yang lain kerana kita mahu membantu penduduk luar bandar supaya tidak ketinggalan dalam arus perubahan global khususnya dalam dunia pendidikan," katanya ketika berucap sempena Pelancaran Program Outreach UMS 2012, bertemakan '*Scaling Up Education In Community*' di Kampung Kapulu, Tenom baru-baru ini. Sementara itu, Ahli Parlimen Tenom, Datuk Raime Unggi, berkata kesungguhan kerajaan dengan mewujudkan UMS merupakan suatu kebanggaan kepada kita kerana hari ini adalah suatu detik bersejarah dengan kehadiran Naib Canselor UMS yang hadir bersama-sama untuk turut sama menayakan program *outreach* ini.




KIOR ... Mahasiswa dan mahasiswi UMS membuat persembahan koir pada pelancaran program berkenaan.

Beliau berkata, usaha seperti ini dapat dilakukan bersama-sama dengan menggabungkan tenaga, usaha dan idea-idea seterusnya diterjemahkan kepada anak-anak murid kita bagi membantu mereka mencapai cita-cita dan impian mereka. "Sebenarnya saya bangga dan terharu melihat murid-murid sekolah, mahasiswa dan mahasiswi, guru-guru dan penduduk kampung berganding bahu dalam menayakan program outreach kali ini. "Bayangkan anak-anak murid dari sekitar kampung ini seperti Kg.Rundum sanggup untuk berjalan kaki selama beberapa jam meredah bukit dan hutan bagi bersama-sama menyertai program ini. Semangat pengorbanan mereka ini perlu kita hargai dan berikan mereka dorongan dan sokongan supaya mempunyai semangat untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya kelak. Raime berkata, atas keperihatinan kerajaan persekutuan dan negeri yang tidak putus-putus membantu penduduk luar bandar, hari ini kita juga telah

menerima peruntukan daripada pihak kerajaan bagi membaiki jalan raya daripada Kg.Ketubu hingga ke Kg.Rundum menerusi projek Projek Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS). "Apapun yang kita buat hari ini, komitmen ini diharapkan akan dapat diterjemahkan kepada transformasi minda iaitu berubah kepada suatu tahap kepada suatu tahap yang lebih baik. "Kerjasama amat penting diantara rakyat dan pemimpin kerana kita mahu dalam aspek pendidikan perlu diberi keutamaan dan dipandang serius bagi membangunkan penduduk di pedalaman. "Ini kerana, ilmulah yang akan mengubah nasib kita dan kerana ilmulah kita akan menjadi seperti apa yang ada pada kita hari ini sehingga menjadi seorang yang berguna kepada keluarga, masyarakat dan negara. Perubahan minda penduduk luar bandar amat diperlukan agar segala peluang yang ada dapat digunakan dengan sebaiknya," jelasnya.



CENDERA HATI... Dr.Kamaruzaman (dua dari kiri) menerima cenderahati daripada Pegawai Pendidikan Daerah Tenom, Ajmal Hj.Jumah (dua dari kanan).



BINCANG Raime (duduk tiga dari kanan) sedang berbincang dengan Dr.Kamaruzaman (duduk tiga dari kiri) ketika menikmati jamuan yang disediakan.